

SYARAT PENCALONAN ANUGERAH BUKU KARYA ASLI 2021

- (a) **Staf:** Calon hendaklah terdiri daripada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kontrak/tetap, warganegara Malaysia yang masih berkhidmat dalam tahun penganugerahan (2021).
- (b) **Jenis Karya yang Layak Dicalonkan:** Hanya Karya Asli yang melalui proses penerbitan secara formal dalam bahasa Malaysia dan bahasa asing terbitan Penerbit UTM *Press* atau **penerbit luar*** yang diterbitkan dalam tahun 2021, yang mempunyai ISBN dan Data Pengkatalogan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).
- (c) **Karya yang Tidak Layak Dicalonkan:** Karya yang diklasifikasikan sebagai Cetakan Awal, Modul Pengajaran, Buku Mewah, Monograf, Bab dalam Buku, Karya Selenggaraan/Suntingan (Edited Book), Karya Terjemahan, Buku Khas dan penerbitan sendiri.
- (d) **Penulis Karya:** Karya yang dihasilkan oleh penulis sama ada secara individu atau bersama dengan penulis lain (dalam atau luar UTM). Jika penulisan bersama, penulis mestilah tidak melebihi tiga (3) orang.
- (e) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan jumlah naskhah berikut bagi setiap pencalonan judul (tidak akan dikembalikan):
- (i) Buku terbitan penerbit dalam negara – **TUJUH (7)** naskhah asal.
 - (ii) Buku terbitan penerbit luar negara – **TUJUH (7)** naskhah asal **ATAU SATU (1)** naskhah asal (minimun) dan **ENAM(6)** naskhah dalam bentuk salinan (fotokopi dan berjilid).
- (f) **Perakuan:** Buku terbitan Penerbit UTM *Press* secara automatik akan dicalonkan. Bagi buku terbitan luar, Borang Pencalonan Anugerah Buku Karya Asli 2021 hendaklah diisi dengan lengkap (disertakan).
- (g) **Pemenang:** Pemenang yang memenuhi syarat akan menerima hadiah dan sijil seperti berikut:
- Kategori Sains & Teknologi (ST)
- * 1 Hadiah Utama bernilai RM1,500 dan sijil.
 - * 1 Hadiah Tempat Kedua bernilai RM500 dan sijil.
 - * 3 Sijil Penyertaan kepada 3 top *finalist*.
- Kategori Sains Sosial (SS)
- * 1 Hadiah Utama bernilai RM1,500 dan sijil.
 - * 1 Hadiah Tempat Kedua bernilai RM500 dan sijil.
 - * 3 Sijil Penyertaan kepada 3 top *finalist*.
- (h) **Tarikh Tutup Pencalonan:** Pencalonan buku terbitan penerbit luar hendaklah sampai kepada urus setia selewat-lewatnya pada **15 April 2022** sebelum atau pada jam **5:00 petang**.

Nota: ***Penerbit luar** ditakrifkan sebagai penerbit dalam negara yang menganggotai Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Malaysian Book Publishers Association – MABOPA) / menganggotai Persatuan Penerbit Buku Bumiputera (Bumiputera Book Publishers Association – IKATAN) / Pusat Penyelidikan/Badan Profesional/Badan Bukan Kerajaan dan termasuk penerbit antarabangsa yang melakukan proses penerbitan secara formal: **melalui proses penilaian dan penyuntingan atau mempunyai lembaga editorial.**